

**AMALAN NILAI MURNI
DI KALANGAN GURU BIMBINGAN DAN
KAUNSELING DALAM PERKHIDMATAN
BIMBINGAN DAN KAUNSELING
SEKOLAH MENENGAH**

oleh

SALEMA AHMAD

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Sarjana Pendidikan**

Ogos 2006

**DOA DAN DEDIKASI TERISTIMEWA
BUAT TERSAYANG**

Dr. Suzyrman - Hj. Shohana - Yang Arif Hj. Sufardy - Marwani - Syafina Ilyana

Shahimi - Noor - Yen - Ayu - Hanif - Farah - Na - La - Afiq - Wan - Faiz - Man - Yaa -
Zim - Nadia - Aimi - Aqis - Fika - Arisa - Zahirah - Syafiq - Syazrin - Nayli - Adam Harith

Mohd. Syerman - Noor Amalina - Nuur Aliaa

Aisyah Fatimah Mukminah - Ahmad Fitri Mukhlisin - Anis Fatimah Solehah -
Ahmad Fahim Solihin - Ahmad Fahmi Mukminin

Nurul Ayyuni - Ahmad Firdaus - Nabilah - Nur Amni Syafikah

Ahmad Iskandar - Ahmad Syairozi - Amira Syukrina

Mohd. Syafiq - Mohd. Syami

Nur Zahroni - Nur Zayana - Mohd. Afiifi - Nur Zahidah - Muhammad
- Mustoffa - Amirah

Nur Amaani - Aiman Hakim

Mohd. Amirul Hanif - Mohd. Amiruzzaman - Nur Umairah

Muhamad Nur Hakim - Ahmad Nur Hayat - Siti Umairah

Ahmad Basir - Nurul Syafikah - Zulmajdi - Firdaus

Zeffyuddin Almin Syah

Nadia - Naqib - Nabil - Najwa

Nur Izzati - Mohd. Izzad - Nur Syu'aidah

Wan Zakaria - Wan Mohd. Helmi - Teh Halimatun Saadiah

Nur Diana - Nur Dalila - Amir Firdaus - Mohamad Abdullah Amin - Puteri Umaira

Seluruh anak didik di SMKTJ PP, SMKSKB, SMKANKB, IPTKL, MPSP dan IPKB

(1 Januari 1974 – 15 Jun 2009)

SEMUA ANAK MENANTU CUCU CICIT DAN AHLI KELUARGA MAMA

**RABBII ZIDNA 'ILMA WAR ZUQNA FAHMA
YAA AR HAMARRAAHIMINAR HAMNA
RABBANA AATINA FIDDUNIA HASANAH WA FIL AAKHIRATI HASANAH
WAQINA 'AZAABANNAR
WASOLLALLAHU 'ALA SAYIDINA MUHAMMAD WA 'ALA ALIHI WASOHBIBHI
WABAARAKA WASALLAM WAL HAMDULILLAHIR RABBI'ALAMIIN AMIIN**

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipersembahkan ke hadrat Allah Yang Maha Kuasa di atas limpahan rahmat-Nya, kajian ini dapat disempurnakan penulisannya. Selawat dan salam Allah ke atas junjungan besar Nabi Muhammad saw, ahli keluarga serta para sahabat seluruhnya, semoga mendapat anugerah keberkatan syafaat untuk seluruh umat Rasulullah saw.

Dirakamkan ukiran penghargaan yang mendalam kepada pihak-pihak berwajib dalam merealisasikan penghasilan kajian ini khususnya kepada Kementerian Pelajaran Malaysia Bahagian Biasiswa, Bahagian Pendidikan Guru dan Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan; Universiti Sains Malaysia, Dekan Institut Pengajian Siswazah, Prof. Madya Dr. Abdul Rashid Mohamed, Dekan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan dan stafnya.

Rakaman teristimewa buat Penyelia Utama Prof. Dr. Susie See Ching Mey, Prof. Roszhan Mohd. Idrus, Prof. Dr. Mohd. Tajudin Hj. Ninggal, Dr. Mohamad Hashim Othman; Pengarah Institut Perguruan Kota Bharu Tn. Hj. Abd. Rahman Hj. Wan Abllah, dan Timbalan Pengarah Pn. Hjh. Zawiah Ramli; Jabatan Pelajaran Negeri Kelantan; Pejabat Pelajaran Daerah Kota Bharu; Pengetua; Guru Bimbingan dan Kaunseling dan klien sekolah-sekolah menengah daerah Kota Bharu yang memberikan sumbangsih dalam penyelidikan ini. Salam penghargaan khas buat suami tersayang Prof. Madya Haji SM di atas izin dan redha yang tulus dan ikhlas. Doa dan Al Fatimah buat Allahyarham dan Allahyarhamah ibubapa tersayang Hj. Ahmad Putih dan Hjh. Som Yusof; Allahyarham dan Allahyarhamah ibubapa mertua tersayang Hj. Maros @ Hj. Rushdi Ocknang dan Hjh. Hade @ Hjh. Mahmudah Muti. Budi, jasa dan bakti Ami Sayang, Dr. Zyr, Na, Ar, Ni dan Syasya kekal terpahat di hati, Allah jua yang merahmati serta memberkatinya.

Penghargaan khas dirakamkan untuk Tn. Hj. Mohd. Salleh Hj. Hussain, Tn. Hj. Mohamad Othman, Tn. Hj. Mohamad Abdullah, En. Mohd. Daud Jusoh, Dr. Chung Hun Tek; Prof Madya Dr. Hj. Mohd. Sahandri Gani, Hj. Mohd. Nor Anuar; Dr. Abdullah Ibrahim, Dr. Hj. Abdullah Yusof, Dr. Halim Ahmad, Hjh. Faridah, Hjh. Norani, Hjh. Rafeah, Hjh. Wahidah, Hjh. Che Yam, Drs. Hj. Wan Muda, Hj. Ismail Abdullah, Dr. Hjh. Samsiah, Hjh. Sabura, En. Kamaruzzaman, Hj. Kharudin, Hj. Yusof Seman, Noorhayati, Kak Nab, Kak Mah, Kak Wan, Lah, Li, Zah, Ayu dan Dah serta semua anak menantu dan cucunda tersayang, ahli keluarga dan para sahabat akrab yang sentiasa membantu dalam menghidupkan semangat kegigihan hingga berjaya menghasilkan penulisan ini.

Catatan penghargaan istimewa yang berkekalan buat semua guru, pengajar, pendidik, pensyarah dan penyelia yang telah mendidik dan menanamkan ilmu yang benar dan bernilai murni dalam sejarah pendidikan awal hingga masa kini dan akan datang tanpa batas sempadannya. Jazakumullah hu khairan kathiira. Doa dan penghargaan untuk semua yang turut menyumbang dan membantu sehingga dapat menyempurnakan penulisan sebagai persembahan ikhlas buat memperkayakan persada ilmu sarwajagat. Segala yang benar dan murni adalah dari Allah swt dan segala kesilapan adalah kelemahan diri pengkaji. Keampunan dan redha-Nya jua yang dipinta.

KANDUNGAN

Tajuk Kandungan	Muka Surat
PENGHARGAAN	ii
KANDUNGAN	iii
SENARAI LAMPIRAN	vi
SENARAI JADUAL	vii
SENARAI RAJAH	ix
ABSTRAK	x
ABSTRACT	xii
BAB 1 : PENGENALAN	1
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Pernyataan Masalah	8
1.3 Fokus Kajian	14
1.4 Rasional Kajian	23
1.5 Kepentingan Kajian	25
1.6 Objektif Kajian	28
1.7 Soalan Kajian	29
1.8 Hipotesis Kajian	31
1.9 Batasan Kajian	32
1.10 Definisi Konseptual <i>Operational</i>	34
1.11 Kerangka Konseptual Kajian	39
1.12 Kesimpulan	41

BAB 2 : TINJAUAN LITERATUR	42
2.0	Pendahuluan 42
2.1	Perkembangan Bimbingan Dan Kaunseling Di Malaysia 42
2.2	Sifat Dan Peranan Guru Bimbingan Dan Kaunseling Sekolah 53
2.3	Nilai Murni Merentasi Kurikulum 67
2.4	Maklum Balas Pelajar Terhadap Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling Di Sekolah 72
2.5	Senario Paradoks Amalan Nilai Murni Pelajar Sekolah Di Malaysia 77
2.6	Kesimpulan 86
BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN	88
3.0	Pendahuluan 88
3.1	Reka Bentuk Kajian 88
3.2	Populasi Dan Sampel Kajian 89
3.3	Soal Selidik Kajian 92
3.3.1	Pengukuran Pembolehubah Kajian 98
3.3.1.1	Sifat Guru Bimbingan Dan Kaunseling 99
3.3.1.2	Proses Bimbingan Dan Kaunseling 99
3.3.1.3	Pengurusan Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling 100
3.3.1.4	Amalan Nilai Murni Dalam Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling Di Sekolah 100
3.4	Kajian Rintis 100
3.5	Prosedur Kebenaran Menjalankan Kajian 105
3.6	Tatacara Pengumpulan Data 106
3.7	Penganalisan Data 106
3.8	Kesimpulan 109

BAB 4	: ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN	110
4.0	Pendahuluan	110
4.1	Latar Belakang Responden	110
4.1.1	Guru Bimbingan Dan Kaunseling	110
4.1.2	Latar Belakang Klien	113
4.2	Penganalisan Data Dan Dapatan Kajian	115
4.2.1	Hubungan Pembolehubah Kajian Mengikut Pandangan Guru Bimbingan Dan Kaunseling	116
4.2.2	Hubungan Pembolehubah Kajian Mengikut Maklum Balas Klien	120
4.2.3	Perbezaan Antara Pandangan Guru Bimbingan Dan Kaunseling Dengan Maklum Balas Klien Terhadap Pembolehubah Kajian	123
4.3	Rumusan	129
BAB 5	: PERBINCANGAN, RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	133
5.0	Pendahuluan	133
5.1	Perbincangan Dapatan Kajian	133
5.1.1	Hubungan Pembolehubah Kajian Mengikut Pandangan Guru Bimbingan Dan Kaunseling	133
5.1.2	Hubungan Pembolehubah Kajian Mengikut Maklum Balas Klien	139
5.1.3	Perbezaan Pandangan Antara Guru Bimbingan Dan Kaunseling Dengan Klien Terhadap Pembolehubah Kajian	143
5.2	Rumusan Hasil Kajian	149
5.3	Implikasi Kajian	152
5.4	Cadangan Untuk Kajian Akan Datang	157
5.5	Kesimpulan	159
	BIBLIOGRAFI	164

SENARAI LAMPIRAN

Tajuk Lampiran		Muka surat
Lampiran A	- Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Dan Perincian 16 Nilai Murni.	183
Lampiran B	- Butiran Diri Panel Penggubal Soalan Soal Selidik	189
Lampiran C	- Soalan Soal Selidik : Pandangan Guru Bimbingan Dan Kaunseling Tentang Hubungan Amalan Nilai Murni Dalam Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling Di Sekolah Menengah	193
Lampiran D	- Soalan Soal Selidik : Maklum Balas Klien Terhadap Guru Bimbingan Dan Kaunseling Tentang Hubungan Amalan Nilai Murni Dalam Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling Di Sekolah Menengah	205
Lampiran E	- Tajuk Surat Pekeliling Ikhtisas Tentang Bimbingan Dan Kaunseling	218
Lampiran F	- Salinan Surat Pekeliling Ikhtisas : Perlantikan Pegawai Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling Sepenuh Masa	220
Lampiran G	- Senarai Tugas Pegawai Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling Sepenuh Masa Sekolah	226
Lampiran H	- Senarai Sifat Mahmudah Dan Sifat Mazmumah	229
Lampiran I	- Senarai Sekolah Menengah Daerah Kota Bharu, Kelantan.	231
Lampiran J	- Surat Kebenaran Menjalankan Penyelidikan	233

SENARAI JADUAL

	Tajuk Jadual	Muka surat
Jadual 3.1	Populasi Dan Persampelan Kajian	89
Jadual 3.2	Pengkelasan / Kelompok Kategori Sekolah Menengah	90
Jadual 3.3	Catatan Perubahan Pembinaan Jumlah Item Soalan	95
Jadual 3.4	Tajuk Dan Bilangan Item Soalan Soal Selidik	97
Jadual 3.5	Taburan Soalan Di Dalam Borang Soal Selidik Guru Bimbingan Dan Kaunseling Dan Klien	98
Jadual 3.6	Nilai Cronbach Alpha : Pandangan Guru Bimbingan Dan Kaunseling Terhadap Skala Pengukuran Pembolehubah Kajian	102
Jadual 3.7	Nilai Cronbach Alpha : Maklum Balas Klien Terhadap Skala Pengukuran Pembolehubah Kajian	102
Jadual 3.8	Kenyataan Pindaan Ayat Pada Item-Item Soal Selidik Selepas Kajian Rintis	104
Jadual 3.9	Hipotesis Kajian Dan Penggunaan Kaedah Analisis	108
Jadual 4.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	111
Jadual 4.2	Taburan Responden Mengikut Kelayakan Akademik	111
Jadual 4.3	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Sebagai Guru Bimbingan Dan Kaunseling	112
Jadual 4.4	Taburan Responden Mengikut Perlantikan Jawatan	112
Jadual 4.5	Taburan Responden Mengikut Kehadiran Kursus B&K	113
Jadual 4.6	Taburan Klien Mengikut Jantina	114
Jadual 4.7	Taburan Kekerapan Klien Berjumpa Guru Bimbingan Dan Kaunseling	114
Jadual 4.8	Dapatan Korelasi 'r' Hubungan Antara Amalan Nilai Murni Dengan Sifat Guru Bimbingan Dan Kaunseling	117
Jadual 4.9	Dapatan Korelasi Pearson 'r' Antara Amalan Nilai Murni Dengan Proses Bimbingan Dan Kaunseling Dari Pandangan Guru Bimbingan Dan Kaunseling	118

Jadual 4.10	Dapatan Korelasi Pearson 'r' Antara Amalan Nilai Murni Dengan Pengurusan Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling Dari Pandangan Guru Bimbingan Dan Kaunseling	118
Jadual 4.11	Dapatan Korelasi Pearson 'r' Antara Amalan Nilai Murni Dengan Sifat Guru Bimbingan Dan Kaunseling Dari Maklum Balas Klien	121
Jadual 4.12	Dapatan Korelasi Pearson 'r' Antara Amalan Nilai Murni Dengan Proses Bimbingan Dan Kaunseling Dari Maklum Balas Klien	121
Jadual 4.13	Dapatan Korelasi Pearson 'r' Antara Amalan Nilai Murni Dengan Pengurusan Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling Dari Maklum Balas Klien	122
Jadual 4.14	Analisis Ujian t Untuk Perbezaan Antara Pandangan Guru Bimbingan Dan Kaunseling Dengan Klien : Sifat Guru Bimbingan Dan Kaunseling.	125
Jadual 4.15	Analisis Ujian t Untuk Perbezaan Antara Pandangan Guru Bimbingan Dan Kaunseling Dengan Klien : Proses Bimbingan Dan Kaunseling	126
Jadual 4.16	Analisis Ujian t Untuk Perbezaan Antara Pandangan Guru Bimbingan Dan Kaunseling Dengan Klien : Pengurusan Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling	127
Jadual 4.17	Analisis Ujian t Untuk Perbezaan Antara Pandangan Guru Bimbingan Dan Kaunseling Dengan Klien : Amalan Nilai Murni	128
Jadual 4.18	Ringkasan Keputusan Hasil Pengujian Hipotesis Kajian	130

SENARAI RAJAH

	Tajuk Rajah	Muka Surat
Rajah 1.1	Kerangka Konseptual Kajian	40
Rajah 4.1	Hubungan Antara Amalan Nilai Murni Dengan Sifat Guru Bimbingan Dan Kaunseling, Proses Bimbingan Dan Kaunseling Dan Pengurusan Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling dari Pandangan Guru Bimbingan Dan Kaunseling	119
Rajah 4.2	Hubungan Antara Amalan Nilai Murni Dengan Sifat Guru Bimbingan Dan Kaunseling, Proses Bimbingan Dan Kaunseling Dan Pengurusan Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling Dari Maklum Balas Klien	123
Rajah 4.3	Perbezaan Pandangan Antara Guru Bimbingan Dan Kaunseling Dengan Klien Terhadap Pembolehubah Kajian	129
Rajah 5.1	Integrasi Penyerapan Amalan Nilai Murni guru Bimbingan Dan Kaunseling Dalam Perkhidmatan Bimbingan Dan Kaunseling Sekolah	157

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk meninjau tentang hubungan amalan nilai murni dalam Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling sekolah menengah di daerah Kota Bharu, Kelantan. Sampel kajian terdiri daripada 70 orang guru Bimbingan dan Kaunseling serta 70 orang klien yang dipilih secara rawak daripada 36 buah sekolah menengah di daerah Kota Bharu. Data kajian diperolehi dengan kaedah tinjauan menggunakan dua set soal selidik untuk guru Bimbingan dan Kaunseling serta klien. Set pertama soal selidik digunakan untuk meninjau hubungan antara amalan nilai murni dengan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling dari pandangan guru Bimbingan dan Kaunseling. Set kedua bertujuan meninjau maklum balas klien, sama ada guru Bimbingan dan Kaunseling mengintegrasikan nilai murni dalam Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling. Enam dari sepuluh hipotesis kajian diuji melalui ujian Korelasi Pearson 'r' dan empat lagi menggunakan Ujian t. Aras keertian pada $p < .05$. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru Bimbingan dan Kaunseling berpendapat ada hubungan antara amalan nilai murni dengan proses Bimbingan dan Kaunseling ($r=.704$, $p=.000$); tetapi tiada hubungan yang signifikan dengan sifat guru Bimbingan dan Kaunseling ($r=.090$, $p=.460$); dan pengurusan Bimbingan dan Kaunseling ($r=.133$, $p=.273$). Klien berpendapat bahawa ada perhubungan yang signifikan antara amalan nilai murni dengan sifat guru Bimbingan dan Kaunseling ($r=.680$, $p=.000$), proses Bimbingan dan Kaunseling ($r=.620$, $p=.000$), dan pengurusan Bimbingan dan Kaunseling ($r=.622$, $p=.000$). Kajian juga menunjukkan bahawa tiada perbezaan yang signifikan antara pandangan guru Bimbingan dan Kaunseling dengan klien terhadap sifat guru Bimbingan dan Kaunseling ($t=.017$, $p=.986$); pengurusan

Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling ($t=.059$, $p=.93$); serta amalan nilai murni ($t=.594$, $p=.553$); tetapi wujud perbezaan pandangan guru Bimbingan dan Kaunseling dan klien dari aspek proses Bimbingan dan Kaunseling ($t=3.108$, $p=.002$). Kesimpulannya dapatan kajian menunjukkan bahawa penyerapan amalan nilai murni telah berlangsung dalam Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling. Ini bermakna amalan nilai murni telah merentasi Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah. Walau bagaimanapun ia masih memerlukan kajian atau tinjauan yang lebih mendalam untuk mengesan tahap keberkesanan penyerapannya dalam Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah menengah.

ABSTRACT

The Practice of Moral Values Among Guidance and Counseling Teachers in Providing Guidance and Counseling Services in Secondary Schools

The objective of this study is to explore the relationship between the use of moral values and the practice of guidance and counseling in secondary schools in the district of Kota Bharu, Kelantan. Samples of the study comprised 70 guidance and counseling teachers and 70 clients, randomly chosen from 36 secondary schools in the district of Kota Bharu. The research used two groups of samples such as the school guidance and counseling teachers and their clients. Data is gathered through the use of two sets of questionnaires, one for the guidance and counseling teachers and one for the clients. The first set of questions was aimed at exploring the relationship between the use of moral values and the guidance and counseling services from the guidance and counseling teachers' perspective. The second set was aimed at exploring the clients' perception on whether the guidance and counseling teachers integrated moral values in their guidance and counseling services. Six out of ten hypotheses of the research were tested by using Pearson 'r' Correlation and the four hypotheses by 't' Test. Findings of the study showed that guidance and counseling teachers perceived that there is a significant relationship between the use of moral values and the process of guidance and counseling ($r=.704$, $p=.000$), but there is no significant relationship between the moral values with the characteristics of guidance and counseling teachers ($r=.090$, $p=.460$) and management of guidance and counseling services ($r=.133$, $p=.273$). Feedback from the clients revealed that there is a significant relationship between moral values with characteristics of guidance and counseling teachers ($r=.628$, $p=.000$), and process of guidance and counseling ($r=.620$, $p=.000$), as well as

management of guidance and counseling services ($r=.622$, $p=.000$). The findings also showed that there is no significant difference between the perceptions of the guidance and counseling teachers and the clients about the characteristic of guidance and counseling teachers ($t=.017$, $p=.986$), management of guidance and counseling services ($t=.059$, $p=.953$), and the application of moral values ($t=.594$, $p=.553$). Nevertheless, there is a differences between the guidance and counseling teachers and clients in the process guidance and counseling ($t=3.108$, $p=.002$). In conclusion, the study showed that moral values were instilled while providing the guidance and counseling services. Nevertheless there is a need to further explore its effective application amongst the guidance and counseling teachers while providing guidance and counseling services in secondary schools.

BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Kajian ini memberi tumpuan kepada hubungan amalan nilai murni dengan sifat guru Bimbingan dan Kaunseling (Kaunselor), proses Bimbingan dan Kaunseling serta pengurusan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling dalam pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah menengah. Bab permulaan ini membincangkan beberapa komponen awal kajian iaitu latar belakang kajian, pernyataan masalah, fokus kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, soalan-soalan kajian, hipotesis kajian, batasan kajian dan definisi *operational* kajian.

1.1 Latar Belakang Kajian

Semenjak tahun 1980-an, Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan Reformasi Pendidikan yang menyeluruh, khususnya pada peringkat rendah dan menengah. Reformasi tersebut telah menghasilkan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) (Nik Azis, 1996). Dalam Reformasi Pendidikan, proses 'memanusiakan manusia' telah diberi tumpuan utama melalui satu pernyataan yang jelas dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang berlandaskan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.

Pernyataan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (1988) menyatakan bahawa:

Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang harmonis dan seimbang dari segi intelek, rohani dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketrampilan, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Pengumuman kerajaan tentang Wawasan 2020 pada tahun 1991 telah mengajak setiap warga negara Malaysia berusaha membentuk sebuah negara maju melalui pelaksanaan sembilan tuntutan strategik. Hal ini membawa implikasi yang besar terhadap fokus dan fungsi pelajaran dalam bidang akademik dan bukan akademik pada semua peringkat persekolahan. Serentak dengan itu, Sistem Pendidikan Kebangsaan sedang maju dan berkembang dengan memasuki satu era globalisasi ke arah pendidikan yang bertaraf dunia. Kemajuan pesat dunia pendidikan ini disokong pula dengan perkembangan Teknologi Maklumat (Information Technology). Gandingan di antara hasrat murni Falsafah Pendidikan Kebangsaan dengan Sembilan Cabaran Wawasan 2020 adalah bertujuan untuk menjulang generasi muda masa kini dan akan datang ke martabat insan kamil, yakni berpendidikan tinggi dan berakhlak mulia serentak maju bersama pembangunan negara.

Dalam senario semasa, hasrat dan cita-cita murni Dasar Pendidikan Kebangsaan sedang bertembung dengan permasalahan keruntuhan akhlak dan moral remaja di kalangan pelajar sekolah. Hal ini sangat membimbangkan, kerana dalam mengejar globalisasi pendidikan bertaraf dunia dan kemajuan sistem maklumat, masih terdapat generasi muda masa kini yang mengalami kemerosotan nilai. Pendidikan global sebelum ini diandaikan kurang berkesan untuk 'memanusiakan manusia'. Proses pendidikan telah mengecil dan agak terhad, lebih tepat dikatakan proses penyekolahan tamat tetapi pelajar tidak terdidik, yakni mereka berilmu serta berkemahiran, tetapi tidak beradab (Abd. Hadi Mohamad, 1994).

Watson (dalam Abdul Hadi Mohamad, 1994) menamakan mereka sebagai *knowledgeable barbarians*. Mereka menjadi celik huruf dan mungkin celik akal tetapi tidak celik budaya serta tidak celik akhlak dan moral. Krisis kegawatan amalan nilai murni di kalangan remaja pelajar sekolah merupakan satu aset pemangkin kepada keruntuhan akhlak dan moral secara keseluruhannya. Berdasarkan pandangan Nik Azis (1999) peningkatan kes-kes gejala sosial di kalangan pelajar sekolah saban hari dipaparkan melalui media massa dengan peratusan yang semakin meningkat.

Dalam konteks semasa, Mohamad Suhaimi Jaafar (1999) menyatakan bahawa masyarakat Malaysia sedang menghadapi dilema dan kebimbangan antara ketemuan Wawasan 2020 dan kehilangan identiti generasi muda yang dicemari dengan ketandusan adab dan keruntuhan akhlak, antara membangunkan jati diri dan kerebahan gejala sosial yang dilanda kelemahan potensi dan kehanyutan budaya. Hal ini juga dapat dirujuk kepada dapatan kajian tahun 1994, mengenai perilaku membuang masa di kalangan remaja

oleh Kementerian Belia Dan Sukan dengan kerjasama enam buah universiti tempatan. Kajian tersebut mendapati sebanyak 28 peratus atau 1640 daripada 5860 remaja mengaku terbabit dalam kegiatan seks bebas, 40 peratus pernah menonton video lucah, 25 peratus meminum minuman keras, 14 peratus menagih dadah dan 71 peratus merokok dan segala amalan maksiat tersebut dianggap 'biasa' di kalangan remaja berkenaan (Berita Harian, 1 Jun 1994).

Selepas sembilan tahun (1994–2003) berlalunya laporan kajian tersebut, suatu kajian telah dibuat berkenaan amalan nilai murni di kalangan pelajar berfokuskan enam belas nilai murni mendapati bahawa tahap amalan nilai murni di kalangan pelajar masih di tahap sederhana, terdapat tujuh nilai di tahap rendah kepada pelajar lelaki dan lima nilai masih di tahap rendah di kalangan pelajar perempuan (Mohamad Ngah dan Sharifah Fakhriah, 2003).

Generasi remaja pelajar sekolah menengah sebenarnya sedang mengalami proses perkembangan jasmani, mental, rohani, emosi dan sosial perlu menyesuaikan diri dengan peranan serta tanggungjawab baru dan sangat memerlukan bimbingan serta teguran orang dewasa di dalam menempuhi zaman yang sukar ini. Menurut Muhd. Mansur (1994), para remaja merupakan golongan yang memerlukan satu tempat rujukan supaya dapat membantu mereka menghadapi masalah-masalah yang dihadapinya.

Rohaty Mohd. Majzub (1998) menyatakan selain daripada ibu bapa di rumah, guru di sekolah merupakan orang dewasa paling rapat dengan pelajar dan dapat menelurkan pandangan serta pengalaman mereka kepada individu pelajar yang ingin mengatasi sesuatu masalah sama ada masalah pembelajaran atau masalah peribadi. Ee Ah Meng (1995) menjelaskan konsep

kependidikan yang menyatakan bahawa semua guru termasuklah guru Bimbingan dan Kaunseling sebenarnya adalah 'kaunselor', merupakan satu aset penting untuk pelajar mendapat Bimbingan dan Kaunseling yang sempurna. Hal ini selaras dengan kenyataan dalam Panduan Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling:

Kaunselor di sekolah dapat membantu para pelajar dengan cara memberikan proses pendidikan yang terancang dan berterusan. Pelajar-pelajar dibimbing untuk memperoleh pengalaman, nilai, sikap dan perlakuan serta kemahiran yang sesuai dengan kehendak masyarakat majmuk di Malaysia. Setiap aktiviti yang dijalankan bertujuan memberi pengetahuan dan kesepaduan psikososial pelajar-pelajar, kerana pelajar bukanlah manusia kognitif semata-mata sebaliknya mereka mempunyai perasaan, sikap, mental dan rohani (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1993).

Sebahagian besar remaja pelajar sekolah hari ini telah kehilangan 'nilai murni' sebenar dan menggantikannya dengan 'nilai negatif' sebagai satu perkara yang 'biasa' dalam amalan harian hidup mereka. Mengikut pandangan Abd. Hamid (1997) kepesatan pembangunan, penggunaan alat canggih multimedia, kesibukan ibu bapa bekerja dan rapuhnya institusi kekeluargaan telah membawa generasi muda kepada kecenderungan negatif; khususnya gemar kepada keseronokan, hiburan yang berlebihan, kemerosotan akhlak dan juga pencemaran budaya. Hal ini sangat menyayat hati para pendidik yang berkeprihatinan tinggi di negara kita. Bagi golongan guru, khasnya guru Bimbingan dan Kaunseling sewajarnya mereka bersedia dengan kepekaan

yang serius untuk berusaha menangani permasalahan moral dan akhlak yang semakin tenat dan wabaknya sedang menular dengan kadar yang sangat pantas.

Berdasarkan kajian Sufean Hussin (2003) mengenai tabiat merokok di kalangan remaja Malaysia, mendapati bahawa remaja merokok disebabkan mereka merasa bosan dan tekanan yang dialami mereka. Dengan merokok diharapkan dapat menghilangkan kebosanan dan tekanan dalam penghidupan mereka. Oleh hal yang demikian sekiranya guru sekolah khususnya guru Bimbingan dan Kaunseling dapat meredakan kebosanan dan tekanan yang dialami, dengan menerapkan nilai-nilai murni berkemungkinan besar kegiatan merokok dapat dibendung.

Kajian Mariani Md. Nor (2004) mendapati bahawa remaja melakukan amalan seks bebas untuk mendapatkan keseronokan dan menghilangkan rasa kecewa yang mereka hadapi. Diandaikan pertolongan dan bimbingan dapat diberikan kepada remaja sekolah, sedikit sebanyak rasa kekecewaan dan kegemaran untuk berseronok dapat disalurkan dengan cara lain yang lebih baik dan akan dapat menyelamatkan mereka.

Dalam usaha untuk mengelak atau mengurangkan kemerosotan nilai murni di kalangan generasi muda khususnya pelajar sekolah, guru Bimbingan dan Kaunseling sekolah boleh diajak untuk memainkan peranannya dengan berkesan. Ini adalah kerana berdasarkan sejarah, penubuhan dan perkembangan Unit Bimbingan dan Kaunseling telah pun melalui tahap kemajuan yang sangat memberangsangkan. Berasaskan senarai tugas yang telah diedarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (1996), ternyata guru

Bimbingan dan Kaunseling adalah golongan yang sangat sesuai untuk dipertanggungjawabkan dalam usaha menangani masalah moral dan akhlak pelajar. Diandaikan sekiranya semua guru Bimbingan dan Kaunseling sekolah berpeluang menyempurnakan tugasnya dengan bijak maka kejadian salah laku pelajar dapat dibendung dengan penuh hikmah.

Peranan Guru Bimbingan dan Kaunseling dikatakan sangat relevan untuk menjadi *role-model* yang boleh menunjukkan sifat-sifat terpuji kepada pelajar, terutamanya dalam usaha memupuk amalan dan penghayatan nilai murni di kalangan pelajar sekolah (Taifor, 2001). Guru Bimbingan dan Kaunseling juga adalah berperanan sebagai fasilitator. Mereka seharusnya berkemampuan membimbing dengan bertindak sebagai pendidik, kaunselor dan mentor untuk memupuk dan menyerapkan nilai murni, berkemahiran pengurusan diri dan pembelajaran, serta menjadi penjana minda bagi melahirkan pelajar berfikiran kritis dan kreatif (Salhah Abdullah, 2006).

Sepatah kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi (2005), bersempena dengan pelancaran Kempen Budi Bahasa Dan Nilai-Nilai Murni:

"Kempen Budi Bahasa dan Nilai-Nilai Murni ini merupakan agenda penting kerajaan untuk menyemarakkan dan meyemai semula budi bahasa dan nilai-nilai murni ke dalam jiwa setiap rakyat Malaysia. Kempen ini diharap dapat memperkukuh kembali kekuatan peribadi dan jatidiri setiap individu. Negara akan menjadi agung jika warganya terdiri daripada insan-insan yang mengamal budaya murni. Tidak ada gunanya jika

masyarakat Malaysia kaya dari segi kebendaan tapi muflis dari segi keperibadian.”

Selaras dengan pelancaran Kempen Budi Bahasa Dan Nilai-Nilai Murni itu, tindakan seterusnya adalah sangat wajar diperkukuhkan amalannya oleh guru di peringkat sekolah melalui pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling. Salhah Abdullah dan Ainon Mohd (2005), telah memperkenalkan konsep guru sebagai mentor yang dikaitkan hubungan orang dewasa dan boleh dipercayai bagi membimbing seperti guru, rakan dan jurulatih, fasilitator dan kaunselor. Mentor dalam pendidikan Islam dikaitkan guru sebagai *muaddib* iaitu melatih dan membentuk adab ke arah berbudi pekerti dan akhlak yang baik. Sehubungan itu, adalah sangat sesuai sekiranya guru Bimbingan dan Kaunseling yang menghidupkan konsep mentor dan pementoran dalam pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah. Kajian Badrunsham Dahalan dan Omar (2004), menyatakan cadangan dan pandangan pengetua sekolah kepada guru Bimbingan dan Kaunseling, ialah perlu berminat, perlu ada keterlibatan menyeluruh di sekolah, benar-benar profesional, dan perlu sentiasa menambahkan ilmu.

1.2 Pernyataan Masalah

Berdasarkan pandangan Mohd. Kamal (1988), pendidikan di Malaysia adalah sebagai satu proses yang mempunyai pengaruh yang kuat terhadap nilai dan gaya hidup seseorang warganegara. Hal ini dianggap sebagai satu mekanisme yang penting bagi pembangunan individu, masyarakat dan negara. Pelajaran nilai yang berlandaskan keimanan dan kepercayaan kepada Tuhan, telah wujud lama sebelum pelajaran formal bermula di negara ini. Sebahagian

besar pelajar di Malaysia telah melalui proses pengajaran dan pembelajaran akademik serta kokurikulum seterusnya berpeluang memperlengkapkan diri dengan pelbagai ilmu; termasuklah pendidikan moral, kerohanian, emosi, sosial dan jasmani. Ini bermakna sekiranya pelajar-pelajar yang melalui proses pendidikan di sekolah dengan berkesan dan terdidik dari segi jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial maka apa yang dihasratkan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan akan menjadi kenyataan.

Pelajar-pelajar sekolah menengah masa kini sepatutnya mengamalkan nilai-nilai murni di dalam menjalani kehidupan seharian. Mereka telah pun mempelajari pendidikan nilai secara formal dalam Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan seterusnya Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM), juga melalui Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral. Pengajaran nilai juga diserapkan melalui semua matapelajaran di sekolah dengan konsep nilai merentasi kurikulum (Ambigapathi, 1999). Penyerapan nilai murni juga dibuat melalui aktiviti pembelajaran dan gerakerja kokurikulum serta melalui kurikulum tersembunyi. Berdasarkan ajaran agama di Malaysia jelas menggariskan nilai-nilai suci yang murni untuk diamalkan dengan penuh kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Namun begitu berdasarkan peningkatan data peratus keruntuhan moral dan akhlak di kalangan pelajar sekolah di Malaysia hari ini; menggambarkan seolah-olah pendidikan melalui proses pengajaran dan pembelajaran yang diterima kurang diserapkan dengan nilai-nilai murni walaupun telah sedia ada dalam ajaran agama mereka.

Dalam banyak aspek Unit Bimbingan dan Kaunseling sekolah telah menawarkan pelbagai bentuk perkhidmatan untuk membantu para pelajar, namun tidak ramai yang tampil untuk mendapatkan Perkhidmatan Bimbingan

dan Kaunseling. Tan Bee Chu (1983), Tan Juat Ngoh (1989) dan Vimala Devi (1996) mendapati pelajar sekolah enggan mendapatkan khidmat guru Bimbingan dan Kaunseling. Antara sebabnya mereka merasa tidak perlu untuk menerima bantuan, amalan membangkang bagi mereka adalah suatu perkara biasa; mereka juga lebih suka mengekalkan situasi lama, kurang pengetahuan tentang Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling, merasa bimbang guru Bimbingan dan Kaunseling akan mendedahkan masalah mereka, guru Bimbingan dan Kaunseling sangat sibuk dan tiada di bilik kaunseling, pelajar belum biasa dengan fenomena membincangkan masalah dengan guru Bimbingan dan Kaunseling dan pelajar lebih suka menyelesaikan masalah sendiri ataupun mendapatkan bantuan rakan-rakan sekolah. Apakah hal ini menjadi faktor yang boleh menjejaskan usaha penyerapan amalan nilai murni melalui Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah ?

Abdul Hamid (1997) menyatakan sesungguhnya adalah sesuatu yang malang di saat kita sedang berusaha bertungkus-lumus bagi menjayakan cita-cita mengangkat martabat umat, tiba-tiba kita dilanda oleh gejala pencemaran akidah dan gejala sosial yang merobekkan akhlak dan moral masyarakat. Gejala sosial yang mengancam umat ini kebanyakannya ditimbulkan oleh golongan remaja. Hal ini akan menambahburukkan suasana ketandusan amalan nilai murni di kalangan pelajar-pelajar sekolah, lantaran persekitaran masyarakatnya terdedah kepada gejala keruntuhan akhlak dan moral.

Walaupun matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan berhasrat untuk menghasilkan insan yang kamil, tetapi sebaliknya didapati sebahagian daripada mereka telah menjadi pengamal salah laku dan agen anti-sosial yang sangat membimbangkan negara. Moha Asri (1999) menyatakan tahap peningkatan

gejala keruntuhan nilai sosial semakin berleluasa pada akhir tahun 1980an sehinggalah ke hari ini, dengan petunjuk data dan statistik serta jenis gejala sumbang yang amat membimbangkan serta memeranjatkan semua pihak seperti ahli politik, para sarjana dan akademik, para ulamak agama dan pendidik, aktivis dan keseluruhan masyarakat umum di negara ini.

Melalui kajian ini, Unit Bimbingan dan Kaunseling sekolah difokuskan sebagai nadi penggerak utama ke arah penyerapan amalan nilai murni bagi mengelakkan pertambahan masalah salah laku di kalangan pelajar sekolah menengah. Ini adalah kerana usaha penyerapan amalan nilai murni melalui Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling merupakan 'peluang besar' kepada bidang kuasa Unit Bimbingan dan Kaunseling sekolah. Pelaksanaan penyerapan amalan nilai murni yang berkesan di seluruh sekolah, diandaikan akan turut membantu ke arah untuk menyelamatkan remaja daripada keruntuhan moral dan akhlak pelajar sekolah. Sikap yang positif terhadap amalan nilai murni di kalangan guru Bimbingan dan Kaunseling sendiri diharapkan akan menjadikan mereka sebagai *role-model* dan *idola* yang tepat dalam mempengaruhi sahsiah para pelajar sekolah menengah di Malaysia.

Mengikut Fadzil (2001) dunia pelajar di sekolah menengah adalah alam remaja yang mendesak mereka untuk berubah atau menerima sesuatu nilai atau gaya hidup yang diiktiraf. Kebiasaannya mereka lebih cenderung kepada pengiktirafan rakan-rakan sebaya daripada pengiktirafan guru atau ibu bapa. Mereka akan menentukan cara berpakaian, menegur kawan semasa berjumpa dan tingkah laku tersendiri. Gaya atau tingkah laku yang biasanya menjadi ikutan mereka adalah gaya hidup *glamour* dan dikatakan mengikut keadaan semasa. Sehubungan itu guru Bimbingan dan Kaunseling seharusnya peka dan

terpanggil bersama memikirkan cara serta strategi untuk mendorong pelajar supaya memilih dan meniru sifat serta keperibadian guru sebagai model dan ikutannya.

Berdasarkan kajian Devikamani (1983) dikatakan untuk selama tujuh belas tahun (1966 hingga 1983), pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling masih berada di tahap *rudimentary* kerana tanggungjawab melaksanakan aktiviti Bimbingan dan Kaunseling sebahagian besarnya terletak kepada guru Bimbingan dan Kaunseling sahaja. Di samping itu, wujud ketidaksungguhan guru-guru Bimbingan dan Kaunseling dalam pelaksanaan tugasnya dan keterbatasan perkhidmatan yang lebih bertumpukan kepada Bimbingan Kerjaya sahaja. Dengan itu timbul pelbagai tanggapan guru-guru dan pentadbir sekolah bahawa Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling adalah sesuatu yang kurang penting dan mudah, serta mampu dilaksanakan oleh semua orang. Oleh itu guru Bimbingan dan Kaunseling tidak mendapat sokongan dalam usaha untuk memperkembangkan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah.

Satu tindakan cemerlang Kementerian Pelajaran Malaysia ialah dengan mewujudkan jawatan Pegawai Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa sebagai Kaunselor Pelajar di sekolah-sekolah menengah mulai Ogos 1996, berdasarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.3/96 bertarikh 11 Julai 1996 (Rujuk Lampiran F). Sementara itu, perlantikan jawatan guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa bagi sekolah-sekolah rendah seluruh Malaysia pula bermula 1 September 2002. Justeru Unit Bimbingan dan Kaunseling sekolah telah mendapat pengiktirafan yang membolehkannya bergerak dengan lebih bersemangat dan berkeyakinan tinggi.

Merujuk kepada kajian See (1997) mengenai persepsi 649 responden daripada kalangan pentadbir sekolah, guru Bimbingan dan Kaunseling dan guru-guru di 98 buah sekolah menengah di Johor, Terengganu, Selangor dan Pulau Pinang mendapati bahawa masih terdapat kelemahan dalam melaksanakan kegiatan Bimbingan dan Kaunseling sekolah disebabkan faktor masa, kurang kemahiran dan pengetahuan di kalangan guru-guru Bimbingan dan Kaunseling. Terdapat kelemahan pada sebilangan guru Bimbingan dan Kaunseling yang kurang pengetahuan dan kemahiran, yang secara langsungnya sangat memerlukan kajian bagi mengesan kemahiran mereka dan menilai keberkesanan kurikulum Bimbingan dan Kaunseling yang telah dilalui.

Natijahnya, suatu alternatif perlu dicari untuk memantapkan lagi pelaksanaan aktiviti Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah menengah. Oleh itu pernyataan masalah ini adalah merujuk kepada kekurangan dan kekuatan pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling sebagaimana hasil kajian lepas. Persoalan penyerapan amalan nilai murni agak kurang diberikan perhatian untuk merentasi Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah. Sebagai tindakan awal, guru Bimbingan dan Kaunseling perlu membuat refleksi sendiri demi meningkatkan lagi perkhidmatan mereka yang murni itu. Mereka seharusnya memahami kepentingan menyerapkan, menghayati dan mengaplikasikan amalan nilai murni, sebagai contoh dan teladan kepimpinan pada masa sebelum, semasa dan sesudah sesuatu sesi atau aktiviti Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling dijalankan. Adalah diharap akan timbul kekaguman berterusan terhadap sifat dan keperibadian guru Bimbingan dan Kaunseling yang boleh menjadi *role-model* serta *idola* kepada semua pelajar (Taifor, 2001).

Dalam perkembangan terkini Mohamed Shariff, Roslee dan Hamdan (2006) menyatakan bahawa manusia menghadapi pelbagai cabaran kesan daripada globalisasi yang melanda seluruh dunia. Impaknya kesihatan dan kehidupan manusia menjadi tidak berarah. Justeru pengetahuan dan kemahiran yang dinamakan kaunseling kelompok amat penting dikuasai oleh manusia pada hari ini. Menerusi kaunseling kelompok sekurang-kurangnya masalah terpendam dapat diluahkan dan dikongsi bersama rakan-rakan lain bagi mencari arah kesejahteraan hidup. Sehubungan itu guru Bimbingan dan Kaunseling adalah merupakan orang yang mahir dalam mengendalikan sesi Bimbingan dan Kaunseling kelompok yang secara langsungnya sangat berpeluang untuk menyerapkan amalan nilai murni bersamanya.

1.3 Fokus Kajian

Secara umumnya dipercayai bahawa sebahagian daripada guru Bimbingan dan Kaunseling telah menjalankan tugas yang diamanahkan kepada mereka dengan baik. Namun begitu pada hakikatnya masih terdapat sebilangan tertentu guru Bimbingan dan Kaunseling yang menghadapi masalah dalam melaksanakan khidmatnya. Kajian pada tahun 1970an, 1980an, 1990an dan 2000an telah dijalankan untuk mengenalpasti masalah pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling serta cuba mencari jalan untuk mengatasinya. Kajian berkenaan permasalahan guru Bimbingan dan Kaunseling yang dibuat oleh Symon (1977), Devikamani (1983), Suradi (1993) dan Siti Salmah Mohd. Isa (2000), memperlihatkan masih wujud pelbagai masalah dalam pelaksanaan, kurang berkemahiran dan salah tafsiran pentadbir sekolah terhadap guru Bimbingan dan Kaunseling.

Mizan Adiliah (1992) mengatakan bahawa tidak ramai guru Bimbingan dan Kaunseling yang secara sukarela menawarkan diri untuk melaksanakan tugas ini. Mereka yang dilantik pula tidak berbangga dengan lantikannya, kerana tugas mengajar yang sedia ada sudah agak berat. Personaliti guru Bimbingan dan Kaunseling akan mempengaruhi secara dominan dalam membina hubungan yang akrab dengan klien. Hakikatnya tidak semua guru Bimbingan dan Kaunseling dapat merangsangkan kewujudan penerokaan diri dengan penuh kejujuran dan menjalinkan hubungan yang bermakna. Guru Bimbingan dan Kaunseling di sekolah menjalankan tugas yang agak berat dan menagih suatu kekuatan yang luar biasa untuk melaksanakan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling dengan berkesan dan cemerlang.

Pembangunan Pendidikan 2001 – 2010 telah membuka dimensi baru kepada Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling (PBK) sekolah-sekolah di Malaysia (Zuria Mahmud, Noriah Mohd. Ishak dan Noriah Bachok, 2003). Ini adalah kerana perjawatan Kaunselor Pelajar Sepenuh Masa atau Pegawai Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa telah diwujudkan pada 1996; dengan seorang Pegawai Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa pada setiap sekolah menengah. Perkembangan berikutnya, seorang Pegawai Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa bagi setiap 500 orang pelajar sekolah menengah dan di sekolah rendah pula dengan kadar seorang Pegawai Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa untuk 350 orang pelajar (Badrunsham Dahalan dan Omar, 2004).

Kesedaran tentang kepentingan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling ternyata melalui Kajian Fam dan Abd. Halim (1998) yang menunjukkan bahawa keyakinan tinggi pihak Kementerian Pelajaran Malaysia

yang merasakan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling sangat penting dengan melantik Kaunselor Pelajar. Bagi pihak pelajar pula menunjukkan penerimaan yang sangat positif kepada perkhidmatan Pegawai Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa itu.

Satu perubahan tugas besar yang berlaku dalam bidang Bimbingan dan Kaunseling di sekolah, iaitu sebahagian besar dari guru Bimbingan dan Kaunseling yang sedang berkhidmat telah diiktirafkan sebagai 'Kaunselor Pelajar' yang menerima perlantikan daripada Kementerian Pelajaran Malaysia, sebagai Pegawai Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1996) (Rujuk Lampiran F). Perlantikan rasmi Kaunselor Sepenuh Masa, telah memberi peluang secara langsung untuk melaksanakan penyerapan amalan nilai murni kepada seluruh pelajar di sekolah. Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling juga merupakan sebagai satu daripada khidmat sokongan dalam Sistem Pendidikan Kebangsaan, dan boleh menjadi tonggak utama dalam menangani pelbagai masalah dan keadaan yang wujud di sekolah (Sidiq Baba, 1999).

Perlantikan rasmi sebagai guru Bimbingan dan Kaunseling Sepenuh Masa adalah berdasarkan kelayakan akademik dan berkemungkinan mereka juga mempunyai sifat-sifat atau ciri-ciri yang sesuai sebagai seorang guru Bimbingan dan Kaunseling. Terdapat beberapa pandangan tentang sifat atau ciri-ciri untuk menjadi seorang guru Bimbingan dan Kaunseling yang berjaya. Berdasarkan aspek Bimbingan dan Kaunseling Islam, sifat-sifat guru Bimbingan dan Kaunseling adalah beriman dan bertaqwa kepada Allah, jujur dan ikhlas, benar, adil, pemurah dan ramah-tamah, sabar dan tenang, adab dan akhlak, percakapan dan interaksi, toleransi, murah hati dan dermawan, merendahkan diri,

tidak munafik, sentiasa ingin membantu, menepati janji, berilmu serta terlatih dan sesuai (Aziz Salleh, 1994). Hal ini sepatutnya dijadikan suatu kriteria dalam pemilihan untuk perlantikan sebagai kaunselor.

Dalam usaha menolong atau memberikan bimbingan kepada klien, sifat yang perlu ada kepada pembimbing digariskan dalam Islam melalui kitab suci Al-Quran, Surah at-Taubah : 71 :

"Dan orang lelaki dan perempuan yang beriman, di antara mereka menjadi pemimpin kepada yang lain, mereka menyuruh mengerjakan yang baik dan melarang daripada mengerjakan yang jahat dan mereka mendirikan sembahyang."

Gambaran sifat mulia yang perlu ada sebagai pembimbing Islam diperjelaskan lagi melalui Surah al-Imran : 104 :

"Wajiblah ada di antara kamu satu umat (golongan) yang menyeru (manusia) kepada melakukan kebaikan, menyuruh berbuat perkara yang baik dan melarang berbuat perkara yang jahat. Mereka itulah orang yang berjaya (bahagia)."

Senarai sifat guru Bimbingan dan Kaunseling yang digariskan oleh Brammer,1973 (dalam Amir, 1986), menyatakan bahawa seseorang guru Bimbingan dan Kaunseling perlu memiliki dan mengamalkan sifat-sifat seperti kesedaran tentang diri dan nilai-nilai, mempunyai perasaan, sebagai model, minat kepada manusia dan perubahan sosial, memiliki etika dan bertanggungjawab, berempati, kemesraan dan sikap ambil berat, keikhlasan, hormat dan berperasaan positif serta tegas dan khusus. Sehubungan itu untuk

menjadi seorang guru Bimbingan dan Kaunseling yang berjaya, seharusnya memiliki dan mengamalkan sifat-sifat yang berkenaan. Oleh kerana senarai sifat guru Bimbingan dan Kaunseling tersebut jelas menunjukkan unsur-unsur nilai murni sarwajagat; pengkaji telah memilihnya untuk dijadikan teras dalam pembinaan item soalan soal selidik kajian ini (Rujuk Lampiran C dan D).

Guru Bimbingan dan Kaunseling sepatutnya mahir dalam melaksanakan proses Bimbingan dan Kaunseling yang berkesan. Aziz Salleh (1994) menyatakan bahawa berdasarkan teori Bimbingan dan Kaunseling Islam, prosedur sesi kaunseling adalah bermula dengan bersedia menerima klien, suasana selesa, memulakan dengan doa, kejelasan, penentuan, pengeratan hubungan, mengawal dan mengekal hubungan, peneguhan dan penyelesaian. Melalui sebuah Hadith diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim, dijelaskan bahawa pelaksanaan proses Bimbingan dan Kaunseling dengan penuh keikhlasan dan empati yang mendalam:

"Kamu akan melihat orang yang beriman dan saling sayang-menyayangi, saling cinta-menyintai, saling kasih-mengasihi bagaikan satu tubuh. Apabila satu anggota tubuh merasa sakit, maka tertariklah bahagian anggota yang lain ikut merasakan sakit dengan tidak dapat tidur dan badan panas."

Pelaksanaan kajian ini telah memberikan perhatian kepada proses Bimbingan dan Kaunseling yang disarankan oleh Brammer, 1973 (dalam Amir, 1986) perlu melalui peringkat-peringkat penyediaan dan kemasukan, penjelasan, struktur, perhubungan, penerokaan, pengukuhan, perancangan dan penamatan. Sesuatu sesi proses Bimbingan dan Kaunseling yang berkesan

akan berupaya untuk mencapai tahap kepuasan pelaksanaan oleh guru Bimbingan dan Kaunseling dan penyelesaian masalah di pihak klien. Proses Bimbingan dan Kaunseling yang tersebut telah dijadikan asas penyediaan dalam soal selidik kajian ini. Prosedur proses Bimbingan dan Kaunseling tersebut adalah merupakan bahan yang digunakan dalam Sukatan Bimbingan dan Kaunseling di peringkat Institut Perguruan Malaysia (Ee Ah Meng, 1995 dan 1997) (Rujuk Lampiran C dan D).

Sebagai seorang guru Bimbingan dan Kaunseling, kecekapan aspek pengurusan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling adalah sangat penting. Berdasarkan Panduan Pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah, Kementerian Pelajaran Malaysia (1993), disenaraikan sepuluh perkhidmatan iaitu Perkhidmatan Inventori dan Rekod Pelajar, Perkhidmatan Memberi Maklumat, Bimbingan Kelompok, Perkhidmatan Kaunseling, Perkhidmatan Penempatan, Perkhidmatan Mencegah Penyalahgunaan Dadah, Perkhidmatan Rundingan dan Rujukan, Perkhidmatan Penyebaran Resos, Perkhidmatan Konferens Dengan Ibu Bapa dan Perkhidmatan Penilaian. Pengurusan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling tersebut dijadikan fokus kajian dan sebagai asas penyediaan untuk soal selidik kajian ini. Sehubungan itu untuk melakukan sesuatu perkhidmatan atau bantuan, Islam menegaskan bahawa kaedah dan panduan pengurusan yang baik adalah dengan memberi pertolongan dan kebajikan kepada perbuatan yang baik dengan mengelakkan daripada perlakuan dosa, berdasarkan pengertian Surah al-Maidah : 2

"Bertolong-tolonglah kamu dalam berbuat kebajikan dan taqwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan dalam perbuatan dosa dan permusuhan."

Satu aspek penting yang perlu digabungkan dalam melaksanakan semua aktiviti Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling adalah penyerapan amalan nilai murni. Dalam buku Panduan Pendekatan Bimbingan dan Kaunseling, Kementerian Pelajaran Malaysia (1993), telah menetapkan bidang agama dan moral dengan tugas perkembangannya mengandungi nilai-nilai, seperti kepercayaan kepada Tuhan, baik hati, berdikari, hemah tinggi, hormat menghormati, kasih sayang, keadilan, kebebasan, keberanian, kebersihan fizikal dan mental, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesedaran, kesyukuran, rasional dan semangat bermasyarakat. Pelaksanaan penyerapan amalan nilai murni dalam Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling adalah selari dengan konsep nilai merentasi kurikulum, kurikulum tersembunyi, penyerapan nilai Islam dan penyerapan nilai murni yang ditegaskan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (penjelasan dalam Bab 2).

Penegasan untuk amalan 16 nilai murni yang dikemukakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (1994) ada persamaan dengan senarai nilai murni dalam buku Panduan Pendekatan Bimbingan dan Kaunseling (Kementerian Pelajaran, 1993) iaitu baik hati, berdikari, hemah tinggi, hormat menghormati, kasih sayang, keadilan, kebebasan, keberanian, kebersihan fizikal dan mental, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, kesyukuran, rasional dan semangat bermasyarakat. Senarai nilai tersebut telah dijadikan fokus dalam pembinaan item soalan soal selidik kajian (Rujuk Lampiran C dan D).

Guru Bimbingan dan Kaunseling seharusnya menghayati serta mengamalkan dan menyerapkan nilai-nilai murni tersebut melalui aktiviti Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah, sebagaimana panduan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (1993). Hal ini ada kesinambungannya dengan kempen kerajaan untuk menerapkan nilai Islam dan penyerapan amalan nilai murni dalam semua aspek perkhidmatan awam, pendidikan dan sektor awam (Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri, 1988).

Sufean Hussin (1989) menjelaskan bahawa pengajaran dan penyerapan nilai dalam kurikulum kepada semua matapelajaran melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran boleh dilaksanakan dengan berkesan serta bersesuaian dengan pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) dan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM). Setelah lebih kurang 17 tahun (1988 – 2005) berlangsung usaha penyerapan nilai murni yang dianjurkan sebagai merentasi kurikulum dan kokurikulum, pihak kerajaan Malaysia telah memperkukuhkannya semula melalui Kempen Budi Bahasa dan Nilai-Nilai Murni yang diisytiharkan pada 11 Januari 2005, di Istana Budaya Kuala Lumpur (Kementerian Kebudayaan, Kesenian Dan Warisan, 2005).

Fokus kajian ini adalah untuk meninjau sama ada terdapat penyerapan atau wujud hubungan antara amalan nilai murni dengan sifat guru Bimbingan dan Kaunseling, proses Bimbingan dan Kaunseling, dan pengurusan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah. Kajian juga ingin mendapatkan maklumat tentang sama ada wujud perbezaan pandangan antara guru Bimbingan dan Kaunseling dengan maklum balas klien tentang amalan nilai murni guru Bimbingan dan Kaunseling, sifat guru Bimbingan dan

Kaunseling, proses Bimbingan dan Kaunseling dan pengurusan Bimbingan dan Kaunseling dalam pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah. Diandaikan sekiranya terdapat hubungan yang signifikan dan tiada perbezaan pandangan antara guru Bimbingan dan Kaunseling dengan klien, ini bermakna penyerapan amalan nilai murni secara langsungnya telah diamalkan dalam Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah menengah.

Sehubungan itu konsep '3 M' iaitu memulih, mencegah dan memupuk yang disarankan oleh Amir (1984) sangat sesuai digabungjalinkan dengan usaha penyerapan amalan nilai murni oleh guru Bimbingan dan Kaunseling kepada kliennya. Sekiranya penggabungjalinan dan penyerapan amalan nilai murni itu dapat dilaksanakan, pengkaji berkeyakinan bahawa klien yakni pelajar akan 'tertawan' kepada kewibawaan sifat atau ciri-ciri guru Bimbingan dan Kaunseling. Dari segi psikologi, seseorang dengan mudah sekali akan mematuhi dan mengikut permintaan dan pembawaan orang yang dikasihi dan disayanginya (Murugiah, 1996). Ini bermakna sekiranya guru Bimbingan dan Kaunseling berjaya menyerapkan nilai kasih sayang kepada pelajar, jalinan kasih sayang guru dan pelajar akan membawakan suatu suasana yang kondusif dan rasional. Justeru apabila sebilangan besar pelajar telah mengasihi dan menyayangi guru Bimbingan dan Kaunseling, bererti ramai daripada pelajar sekolah berada dalam 'tawanan' Unit Bimbingan dan Kaunseling yang sangat mulia dan suci perkhidmatannya (Noraini Ahmad, 2000).

Untuk membangunkan diri sebagai orang yang hebat dan dikagumi, guru Bimbingan dan Kaunseling seharusnya memahami dan menghayati nilai murni dan diterjemahkan ke dalam perlakuan dan amalannya sendiri. Penguasaan dan pelaksanaan nilai murni yang mantap oleh guru Bimbingan dan Kaunseling

akan menyerlahkan kewibawaan yang mulia dan berhemah tinggi. Penampilan diri bersama amalan nilai murni yang berterusan oleh guru Bimbingan dan Kaunseling akan dapat mempengaruhi pelajar dan menjadi contoh teladan kepimpinan yang berkekalan. Keberkesanan amalan nilai murni di kalangan guru Bimbingan dan Kaunseling menjamin kesejahteraan diri dan kliennya.

1.4 Rasional Kajian

Sistem Pendidikan Malaysia yang berpaksikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan adalah sangat mementingkan persoalan nilai murni. Pelbagai cara telah ditegaskan untuk menyerapkan nilai murni dalam persekolahan masa kini. Pelaksanaannya adalah dengan penegasan konsep nilai merentasi kurikulum, kurikulum tersembunyi dan penyerapan penggabungjalinan nilai dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti kokurikulum di sekolah. Pelaksanaan sebenarnya telah pun berlangsung dalam jangka masa yang agak lama, namun masih kekurangan kajian mengenai penyerapan amalan nilai murni khasnya dalam bidang Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling.

Mohamad Ngah dan Sharifah Fakhriah (2003) dalam kajian amalan nilai murni di kalangan pelajar sekolah menengah mendapati amalan nilai murni hanya berada di tahap sederhana dan terdapat juga pada tahap yang rendah. Hal ini menunjukkan walaupun berbagai usaha penyerapan telah dijalankan, namun hasil kajian masih menunjukkan bahawa tahap amalan nilai murni pelajar masih sederhana dan rendah. Oleh itu satu kajian wajar dilaksanakan untuk mengesan tentang hubungan pelaksanaan amalan nilai murni dalam Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling bagi membolehkan usaha dijalankan untuk meningkatkan lagi tahap keberkesananannya.

Berdasarkan Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim (1987) pengkajian atau penyelidikan adalah sangat penting dalam Bimbingan dan Kaunseling khususnya kajian tentang sikap guru Bimbingan dan Kaunseling sendiri terhadap pelaksanaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling. Justeru itu keseluruhan guru Bimbingan dan Kaunseling akan mendapat maklumat yang penting hasil daripada kajian untuk membolehkan mereka melaksanakan tanggungjawab profesional, kepuasan diri, mengimbangi perkembangan persekitaran dan dapat menjalankan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling dengan usaha penerokaan yang berkesan.

Golongan pelajar merupakan harapan dan pemangkin pembangunan negara masa hadapan. Harapan ini akan tercapai sekiranya proses pembelajaran formal dan tidak formal ke atas pelajar diberikan perhatian sewajarnya. Wujudnya suasana kegawatan nilai murni masa kini pula menjadi cabaran hebat ke arah pembentukan sahsiah mulia golongan pelajar. Kegiatan salah laku adalah salah satu fenomena yang agak membimbangkan dan semakin serius di sekolah-sekolah (Musa Daia, 1997). Merujuk kepada rekod pelbagai salah laku pelajar sekolah yang semakin tinggi dan membimbangkan semua pihak (Jabatan Siasatan Jenayah, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman, 2004); pengkaji semakin terasa terpanggil untuk membuat tinjauan tentang Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah. Untuk mencari alternatif sebagai kaedah membantu kemungkinan dapat menangani permasalahan salah laku di kalangan pelajar. Unit Bimbingan dan Kaunseling sebagai agen khidmat sokongan yang utama di sekolah boleh memainkan peranannya dengan menyerapkan amalan nilai murni melalui Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling sekolah.